

Antarabangsa UniMAP dan USU, Indonesia Tandatangani MoU

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sekali lagi telah menandatangani Memorandum persefahaman (MoU) dengan Universitas Sumatera Utara (USU), Medan pada 14 Oktober 2010 lalu.

Majlis tersebut telah diwakili oleh Naib Canselornya, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala USU diwakili oleh Rektor institusi berkenaan, Prof. Dr. Syahril Pasaribu. Hadir sama, Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Syaharom Abdullah, dan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom. Naib Canselor UniMAP berkata, terdahulu MoU tersebut adalah selama 5 tahun dan ia diperbaharui pada tahun ini setelah tamat tempohnya pada 5 Januari 2010.



"Selama tempoh tersebut UniMAP dan USU telah mengadakan pelbagai kerjasama dalam memajukan pelbagai bidang sains dan kejuruteraan. UniMAP perlu mengambil peluang ini untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam projek- projek baru yang sedang berkembang dan juga penyelidikan bersama serta seminar dan persidangan secara usahasama. UniMAP cukup berbangga dengan kerjasama yang dijalinan dengan USU di dalam pelbagai bidang bahkan pula kita adalah serumpun", ujar beliau sebelum mengakhiri majlis menandatangani MoU tersebut.